

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN / BERTULIS

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD AMZAD BIN MOHAMED
@ HASHIM [KUALA TERENGGANU]**

SOALAN

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan perkembangan semasa rancangan Kerajaan berhubung pencantuman ladang-ladang FELDA menjadi estet besar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FELDA telah melakukan langkah awal bagi pelaksanaan projek Model FELDA baharu iaitu Program Lestari Kebun Peneroka (PLKP) dengan membuat perbincangan berkaitan urusan tanah bersama Pejabat Tanah dan Daerah serta Pejabat Tanah dan Galian Negeri pada Mei dan Jun 2019.
2. FELDA juga telah menjalankan sesi libat urus untuk menerangkan konsep pelaksanaan model baharu FELDA di semua 11 wilayah FELDA bermula pada 20 Ogos hingga 24 September 2019. Sesi libat urus ini melibatkan kepimpinan rancangan merangkumi Pengurus Rancangan, Ketua Peneroka Rancangan, Pengerusi Gabungan Peneroka Wanita (GPW), Pengerusi NGO Kami Anak FELDA (KAF) dan Majlis Belia FELDA Malaysia (MBFM) serta Ketua-ketua Blok bagi gugusan atau rancangan. Ia merangkumi sesi soal jawab secara terbuka berkaitan konsep pelaksanaan model baharu.

3. FELDA Bukit Rokan telah dipilih sebagai projek rintis model baharu FELDA kerana rancangan ini termasuk dalam program tanam semula dengan pendapatan terendah di antara rancangan yang terlibat dalam program tanam semula 2019. Melalui banciaan ke atas peneroka FELDA berkenaan, seramai 150 orang daripada 171 jumlah peneroka atau 87% telah bersetuju untuk menyertai program yang akan dijalankan.

4. Antara konsep bagi pelaksanaan program ini, peneroka akan menerima pendapatan bulanan atau bayaran manfaat yang tetap dan perkongsian keuntungan daripada hasil ladang. Bagi bayaran manfaat bulanan yang bakal diterima oleh peneroka terlibat, ia adalah berdasarkan beberapa faktor yang mempengaruhi penghasilan di rancangan terpilih. Ini termasuklah kesesuaian tanah, bentuk muka bumi dan iklim setempat. Jumlah sebenar pembayaran manfaat bulanan tersebut masih diperhalusi untuk memastikan peneroka mendapat bayaran yang sewajarnya.

5. Program penggabungan tanah peneroka dapat memberi implikasi positif ke arah peningkatan produktiviti melalui ekonomi bidangan dan pengurusan ladang yang cekap dan efektif. Pada masa yang sama, peneroka tidak akan kehilangan hak milik tanah kerana FELDA hanya mengurus ladang sahaja. Melalui program ini, peneroka tidak perlu memikirkan tanggungan bebanan hutang tanam semula seperti pinjaman sara hidup, pendahuluan hasil dan kos pembangunan ladang.

Sekian, terima kasih.